

BAB LIMA

KESIMPULAN

Walaupun peristiwa Gerakan 4 Mei kian berjauhan daripada kita dalam aliran perkembangan sejarah, lambaiannya masih jelas dicam sementara balasan yang ikhlas dan berkesan diperlukan juga. Soal-soal yang dilaungkan oleh pejuang-pejuang pada waktu itu tetap menjadi agenda yang penting dalam proses pembangunan peradaban, terutamanya bagi negara China sendiri. Daripada timbunan sejarah Cina, ternyata pembentukan peradaban Cina tidak dapat dipisahkan dengan sumbangan golongan intelektual. Golongan intelektual Cina berperanan penting dalam usaha membina dan menentukan hala tuju perkembangan peradaban Cina. Maka, untuk memahami dan menyelidik masalah ataupun dilema peradaban Cina, situasi golongan intelektual menjadi satu mauduk kajian yang terutama. Dengan menyelidik masalah golongan intelektual Cina, kita akan memahami akar umbi dan keadaan krisis peradaban Cina dengan lebih mendalam. Di samping itu, situasi Konfusianisme turut menjadi satu tajuk perbincangan yang tidak boleh diabaikan kerana keintelektualan Cina adalah diasuh dengan pemikiran tradisi Konfusianisme yang secara menyeluruhnya. Natijahnya, nasib peradaban Cina adalah bergantung kepada perubahan dan perkembangan Konfusianisme serta tindak balas orang-orang Cina moden.

Secara amnya, balasan orang-orang Cina terhadap lanyakan Barat telah mengharungi tiga peringkat, iaitu daripada mementingkan peralatan dan teknologi Barat, dan perubahan politik sehingga mengubahsuaikan kebudayaan dalaman, tata tertib mereka

terhadap gangguan dari Barat menunjukkan keadaan yang dinamik. Pada mulanya, dalam Gerakan Menguatkan Diri, para intelektual berpendapat bahawa jika peradaban Cina dapat menghayati teknologi Barat seperti kapal dan meriam yang gagah, maka peradaban Cina akan terselamat dan aman. Akan tetapi, disebabkan ini tidak berjaya, jadi tercetuslah Reformasi 1898 dan Revolusi 1911 yang mengalihkan tumpuan orang-orang Cina terhadap kekuasaan politik yang bertanggapan bahawa politik yang kukuh dapat menyelamatkan peradaban Cina. Malangnya, masalah peradaban Cina masih tidak dapat diselesaikan melalui kemajuan teknologi dan perubahan struktur politik. Akhirnya, Gerakan 4 Mei terpaksa dilancarkan untuk memperbaharui peradaban Cina yang “kolot” itu.

Jikalau dibandingkan antara langkah-langkah menyelamatkan peradaban Cina, peringkat permulaan merupakan suatu langkah yang lebih mudah kerana ia hanya menitikberatkan pembaharuan luaran yang bersifat kebendaan. Ini adalah berlainan dengan pembaharuan peradaban yang merangkumi perubahan minda dan jiwa bangsa. Sekiranya langkah-langkah ini dijalankan dengan lebih teliti, peradaban Cina akan memperoleh kemajuan yang memuaskan. Akan tetapi, seperti apa yang kita lihatkan, awal-awal lagi perkembangan Gerakan 4 Mei pada awal telah dirasuk oleh kekusutan politik yang menyebabkan para pejuang negara terhasut oleh kekuasaan lalu dibatasi oleh peraturan politik. Oleh itu, peradaban Cina tidak dapat menikmati pencapaian yang megah. Sejak dari awal lagi, orang-orang Cina sentiasa dipengaruh oleh suatu konsep gentar, iaitu “belajar untuk menjadi pegawai kerajaan.” Ia berbeza dengan ciri-ciri gerakan kerasionalan dalam Zaman Kebangkitan (Renaissance) dan Zaman Kesedaran

(Enlightenment) di Barat yang sebagai tapak semaian pertumbuhan kerasionalan tanpa syarat-syarat politik. Orang-orang Cina menganggap keberkesanan politik adalah teragung dan kemunculan akademik pula hanya digunakan untuk berkhidmat dalam bidang politik.¹⁴³

Justeru itu, perbahasan antara para pemimpin Cina pada masa itu mengenai kebangkitan semula sering berbau kemarahan yang bertuduhan melampaui kerasionalan. Apa yang dikatakan baik atau buruk akan diterima seluruhnya malah sanggup menyebelahi sesuatu pandangan asalkan ia berpihakan politik yang sama. Ini menyebabkan tinjauan dan kritikan terhadap kebudayaan berkaku dalam metodologi pemikiran metafizik. Mereka memerlukan masa yang agak lama untuk membezakan konsep pembaharuan peradaban yang sebenarnya. Suatu persoalan yang asas seperti pembaharuan peradaban melalui pembaratan dan pemodenan secara berakademik telah menjadi begitu rumit. Dalam keadaan ini, Du Weiming telah menyatakan bahawa corak bentuk minda pemimpin-pemimpin dalam era Gerakan 4 Mei ditentukan oleh beberapa bentuk yang sendirinya berkembang menjadi suatu tradisi.

- (1) Tradisi yang kuat bertentangan dengan Barat selepas terhina dalam Perang Candu (1840-42). Rangsangan penghinaan ini sukar untuk dihilangkan dalam hati para intelektual kerana sekian lama peradaban Cina merupakan satu peradaban yang teragung dan termaju.
- (2) Tradisi yang menentang tradisi iaitu tradisi peradaban Konfusianisme.
- (3) Tradisi Marxisme yang sebagai penyelamat negara China daripada caci maki kemunduran tradisi Cina dahulu dan pencerobohan Barat.
- (4) Tradisi pembaharuan peradaban yang selalu berperasaan tidak puas hati dengan fenomena masyarakat semasa.

¹⁴³ Yu Yingshi, *Zhongguo Zhishi Fenzi Lun* (Perbincangan Tentang Kaum Intelektual Cina), hlm. 105.

- (5) Tradisi yang tertimbul selepas pembaharuan peradaban, iaitu tradisi revolusi.¹⁴⁴

Dengan tradisi-tradisi yang berbatasan ini, pemerhatian mereka mengenai pembaharuan peradaban sukar hendak menepati keadaan sebenar.

Jika diperhatikan, daripada perbahasan yang diadakan sepanjang masa sebelum dan selepas Gerakan 4 Mei, orang-orang Cina moden ini kadang-kadang terhilap dalam suasana keintelikualan yang terkongkong. Mereka menggunakan masa panjang untuk menebusi kekeliruan yang dilakukan oleh mereka. Daripada keadaan pembaratan dan pemodenan yang mengelirukan, selepas menghabiskan tempoh panjang barulah idea pembaratan dan pemodenan dijelaskan. Mereka mula berupaya menyaring kualiti yang baik daripada peradaban Barat dengan membuktikan pemodenan tidak semestinya menerima semua unsur Barat yang kurang baik seperti nilai-nilai kebendaan, memborus, bermata duit dan sebagainya. Selain itu, kritikan-kritikan mengenai perbandingan antara peradaban telah bertambah dan melingkupi aspek perkembangan ekonomi negara. Buah mulut yang dibincangkan adalah seperti berikut:

- (1) Kesedaran negara China hanya merupakan salah satu peradaban di dunia ini, jika sains dimajukan atau pemodenan dilancarkan maka peradaban Cina akan berjaya. Oleh itu, ilmu-ilmu teknologi dan sains mesti dipindahkan dari Eropah.
- (2) Setiap peradaban mempunyai kelebihan dan kekurangan yang tersendiri, dan ciri-ciri peradaban Cina tidak perlu sama dengan peradaban Barat. Oleh itu, sementara menyerap peradaban daripada Barat, kelebihan peradaban Cina mesti dilindungi.
- (3) Kerja “mensainskan” (scientization) dan pemodenan tidak bersamaan dengan pembaratan, oleh itu tidak perlu menerima unsur-unsur keburukan ketika menjalankan penerapan peradaban dari luar.¹⁴⁵

¹⁴⁴ Dui Weiming, *Xiandai Jinsheng Yu Rujia Chuantong* (Jiwa Semangat Moderniti dan Tradisi Konfusianisme) (Beijing: Sanlian Shudian, 1997), hlm. 22-26.

Seterusnya, pemodenan peradaban Cina telah digambarkan dengan lebih meluas. Orang-orang Cina berfahaman bahawa perkembangan sains dan perindustrian ialah syarat-syarat yang terpenting demi kemajuan, penerusan kehidupan dan kekuatan pertahanan negara. Selain itu, mereka sebagai intelektual turut menitikberatkan peranan akademik dalam proses pemodenan. Pemodenan juga pasti termasuk pemodenan pemikiran, sikap dan tingkah laku kerjaya supaya ia lebih maju, berkesan dan saksama.¹⁴⁶

Daripada kemajuan peninjauan yang dicapai oleh pemikir-pemikir moden, walaupun Gerakan Pemodenan Peradaban Cina tidak berjaya menyediakan satu cara penyelesaian yang sesuai terhadap keadaan semasa, sesungguhnya ia telah meluaskan dan membuka minda orang-orang Cina ke suatu tahap yang tinggi.¹⁴⁷ Pemikir-pemikir Cina moden sanggup menilai semula kesemua unsur-unsur peradaban Cina. Penilaian ini melingkungi aspek kebudayaan dan minda, serta pandangan hidup turut dipersoalkan, umpamanya, “revolusi minda” yang digambarkan oleh Sun Yat-Sen ke atas Gerakan Pemodenan Peradaban.¹⁴⁸ Ilmu sains yang diterima oleh orang-orang Cina telah memasuki jiwa mereka dan menjadi satu ideologi yang dapat mencerminkan pandangan hidup serta silaturahim antara umat manusia dalam kehidupan harian. Ia bukan hanya satu perkakasan ataupun institusi, tetapi juga dijadikan sebagai tradisi ataupun kebudayaan. Akan tetapi, gelora semangat telah melanggar batas-batas kesejahteraan atau membangkitkan persengketaan antara peradaban Konfusianisme dengan moden.

¹⁴⁵ Luo Rongqu, *Cong Xihua Dao Xiandaihua* (Daripada Pembaratan Sehingga Pemodenan) (Beijing: Beijing Daxue Chubanshe, 1997), hlm. 19-20.

¹⁴⁶ Luo Rongqu, *Cong Xihua Dao Xiandaihua* (Daripada Pembaratan Sehingga Pemodenan), hlm. 21-22.

¹⁴⁷ Yu Yingshi, *Zhongguo Zhishi Fenzi Lun* (Perbincangan Tentang Kaum Intelektual Cina), hlm. 110.

¹⁴⁸ Feng Youlan, *Zhongguo Xiandai Zhexue Shi* (Sejarah Falsafah Moden Cina) (Hong Kong: Zhonghua Shuju Youxian Gongsi, 1992), hlm. 48-49.

Masa Depan Peradaban Cina

Ketika perbincangan mengenai perkembangan tradisi Konfusianisme atau falsafah Cina yang terpengaruh diadakan, sesuatu asas-asas penaakulan mesti diketengahkan supaya prasangka pejuang-pejuang Gerakan 4 Mei dapat dielakkan. Memandangkan interaksi di antara satu peradaban dengan peradaban lain semakin kerap dan kompleks, maka Konfusianisme pasti ditinjau daripada sudut yang lebih meluas, terutamanya bagi peradaban Cina yang terkemuka dengan tradisinya yang bertunjangkan Konfusianisme. Tidak kira betapa terhadnya dan menyeluruhnya tradisi Konfusianisme, namun ia adalah salah satu peradaban daripada pelbagai peradaban di dunia ini yang saling melintang, berpengaruh dan merangkumi antara satu sama lain. Selain itu, semangat pengkritik Gerakan 4 Mei sepatutnya dicontohi supaya tradisi Konfusianisme dapat diperbetulkan dan disuburkan. Yang penting adalah pengkritik-pengkritik dan pencinta-pencinta Konfusianisme mesti mengakui bahawa tradisi Konfusianisme telah mengalami kemerosotan.¹⁴⁹ Dengan dada dan visi yang terbuka ini maka masalah Konfusianisme memang dapat dianalisis dengan lebih mendalam dan diselesaikan dengan lebih saksama.

Keruntuhan nilai-nilai tradisi Konfusianisme merupakan satu impak daripada rangsangan peradaban Barat. Untuk meneruskan tradisi Konfusianisme, empat persoalan mesti disahut oleh orang-orang Cina, iaitu jiwa sains dalam Konfusianisme, pemikiran

¹⁴⁹ *Dui Weiming, Xiandai Jinsheng Yu Rujia Chuantong* (Jiwa Semangat Moderniti dan Tradisi Konfusianisme), hlm. 384.

demokrasi dalam Konfusianisme, semangat keagamaan dalam Konfusianisme, dan pandangan psikologi Barat boleh didapati dalam Konfusianisme.¹⁵⁰

(1) Sains dalam Konfusianisme: Tradisi Konfusianisme terterap dengan rasional kemoralan yang kuat dan luas merangkumi pemikiran kemanusiaan. Tetapi ini telah menunjukkan kelemahannya apabila berdepan dengan sains Barat. Oleh sebab perkembangan sains Barat adalah bergantung pada kerasionalan dan menekankan keobjektifannya, maka peranan pemikiran kemoralan Konfusianisme dipersoalkan. Jika sains Barat hanya mementingkan kerasionalan maka etika Konfusianisme perlu diketepikan adalah suatu pernyataan yang harus dipertimbangkan. Dengan kekurangan idea-idea etika Konfusianisme, secara langsungnya Konfusianisme telah dinafikan daripada asasnya dalam arus perkembangan sains yang sebagai syarat asas pemodenan pada hari ini.

(2) Demokrasi dalam Konfusianisme: Dengan kemoralan dan kepercayaan sebagai asas pemerintahan, pentadbiran sistem demokrasi yang berpaksikan prasangka, syak wasangka dan perjuangan mungkin bermasalah. Golongan intelektual yang mewakili jiwa Konfusianisme merupakan satu golongan yang lemah kuasanya dan rendah kedudukannya dalam sistem demokrasi.

(3) Semangat keagamaan dalam Konfusianisme: Walaupun Konfusianisme mempunyai fungsi yang bagaikan suatu agama, ia masih kekurangan semangat keagamaan yang berupaya mengubah kelemahan yang dihadapi oleh peradaban Konfusian di Asia Timur pada zaman ini.

¹⁵⁰ Dui Weiming, *Xiandai Jinsheng Yu Rujia Chuantong* (Jiwa Semangat Moderniti dan Tradisi Konfusianisme), hlm. 427-430.

(4) Pandangan psikologi Barat dalam Konfusianisme: Konfusianisme mementingkan sanubari manusia yang dikatakan suci dan bersih pada asalnya. Ini belum menunjukkan fahaman yang lebih mendalam terhadap minda manusia sepenuhnya seperti dalam psikologi Barat yang mementingkan kesan nafsu hati manusia. Kekurangan ini menyebabkan tradisi Konfusianisme tidak mampu berhadapan dengan dunia hari ini yang begitu kompleks.¹⁵¹

Tiada satu bangsapun dapat menghapuskan tradisi sendiri dengan digantikan dengan peradaban dari luar.¹⁵² Proses pemodenan bermakna pembaharuan yang merangkumi kebanyakan aspek kehidupan tetapi ini tidak bererti kedua-dua elemen tradisi dan moden tidak boleh wujud secara serentak. Menurut pandangan pelopor Neo-Konfusianisme Liang Shuming (1893-1988), adalah tidak wajar untuk mendakwa sesuatu peradaban itu sama ada baik atau tidak kerana ia hanya boleh dikatakan bahawa mungkin tidak sesuai dalam suatu masa tertentu.¹⁵³

Lantaran itu, Konfusianisme sebagai asas peradaban Cina adalah wajarnya dinilai semula dengan sikap yang positif. Liang mengatakan bahawa peradaban berdasarkan Konfusianisme ialah satu peradaban yang sederhana, dan akan bangkit semula pada masa depan di seluruh dunia selepas peradaban Barat menemui jalan buntunya dalam pemodenan. Mengikut cadangan Liang, peradaban Barat mempunyai sikap agresif yang giat berhasrat mengubah keadaan luaran agar menampung permintaan mereka.

¹⁵¹ Dui Weiming, *Xiandai Jinsheng Yu Rujia Chuantong* (Jiwa Semangat Moderniti dan Tradisi Konfusianisme), hlm. 427-440.

¹⁵² Yu Yingshi, *Zhongguo Zhishi Fenzi Lun* (Perbincangan Tentang Kaum Intelektual Cina), hlm. 103.

¹⁵³ Luo Rongqu, *Cong Xihua Dao Xiandaihua* (Daripada Pembaratan Sehingga Pemodenan), hlm. 71.

Sebaliknya, peradaban India menonjolkan kebatinan dan kerohanian yang bertujuan untuk menghapuskan segala kemungkinan permasalahan dari akar umbinya. Manakala perabadian Cina adalah lebih sederhana dan senang merasakan kepuasan di mana ia mempunyai sahsiah yang utuh untuk menyesuaikan diri dalam alam sekitarnya dan membuat penyelarasan dengan alam sekitar agar kehidupan yang sejahtera dikekalkan.¹⁵⁴

Dalam petikan yang bertajuk “Masalah Pengindustrian Cina”, Liang menyimpulkan masalah hala tuju pemodenan negara China dari perspektif seperti orientalisme, pemodenan, jalan masa depan kebudayaan dan pembinaan ekonomi negara. Analisa ini telah menyentuh soal-soal seperti pembaratan atau pertimuran; kesesuaian kapitalisme atau sosialisme; pembaratan keseluruhan atau peradaban Cina yang sebagai pusat peradabannya; dan soal perindustrian atau pertanian. Beliau mencadangkan negara China hanya akan maju dengan lebih berkesan melalui sektor pertanian. Melalui pemerhatiannya, beliau mencadangkan peradaban Cina mesti mengikut jejak peradaban Barat yang ghairah membangunkan negara mereka; sikap agresif orang-orang ini patut dicontohi setakat itu. Lebih jelas lagi, beliau memupuk perkembangan bidang pertanian, daripada hujahnya perindustrian merupakan matlamat negara China, pada hakikatnya pertanian ialah satu jalan yang lebih praktikal memandangkan negara China terkaya dengan sumber-sumbernya seperti tanah-tanah yang subur untuk penanaman.¹⁵⁵ Dalam konteks ini, Liang telah memberi satu gambaran yang lebih konkrit daripada perspektif kebudayaan dan ekonomi. Saranannya telah melalui suatu latar belakang pengumpulan idea-idea daripada perbincangan yang mengenai pembangkitan semula peradaban yang

¹⁵⁴Luo Rongqu, *Cong Xihua Dao Xiandaihua* (Daripada Pembaratan Sehingga Pemodenan), hlm. 59.

¹⁵⁵Luo Rongqu, *Cong Xihua Dao Xiandaihua* (Daripada Pembaratan Sehingga Pemodenan), hlm. 803.

bertunjangkan kebudayaan-kebudayaan kapitalisme, bukan kapitalisme, kapitalisme nasionalisme atau sosialisme.¹⁵⁶

Meskipun betapa hebatnya perbincangan diadakan, arus pemikiran tradisi tetap tidak terlepas berkecenderungan pada kekuasaan politik. Tambahan pula, terdapat suatu pandangan am yang mengenai peradaban Cina yang telah kehilangan sumber untuk menghidupkannya semula. Perasaan patrioktisme dan nasionalisme telah menyebabkan mereka sementara menolak Barat, tetapi dengan sengaja mereka pula menerima suatu ideologi yang nampaknya ia bertentangan dengan tradisi Barat, sebenarnya ideologi tersebut juga berasal dari Barat.¹⁵⁷ Justeru itu, sebelum pejuang-pejuang negara China berjaya mengubahsuaikan politik, mereka telah menerima Marxisme yang berfungsi sebagai gantian kepada peradaban Barat yang sebelum itu; Marxisme menolak kapitalisme dan demokrasi kapitalisme Barat tetapi ia menyanjung tinggi sains dan kerasionalan maka ia adalah suatu model yang sesuai dengan keinginan sesetengah orang Cina. Bagi mereka, Marxisme adalah suatu punca keselamatan dan kemajuan peradaban Cina. Selepas kejayaan Revolusi Oktober 1917, Marxisme dengan kurang halangannya telah dijadikan satu kepercayaan yang lebih rasional dan saintifik.

Sehingga hari ini, walaupun kekuasaan politik Marxisme dan Maoisme telah memelihara kedaulatan negara China tetapi kebudayaannya tetap dibincangkan untuk pendedahan keunggulannya. Walhalnya, orang-orang Cina hari ini mempunyai kesedaran yang bermandikan cahaya kemegahan peradaban. Mereka tidak melegakan diri daripada

¹⁵⁶Luo Rongqu, *Cong Xihua Dao Xiandaihua* (Daripada Pembaratan Sehingga Pemodenan), hlm. 19.

¹⁵⁷Dui Weiming, *Xiandai Jinsheng Yu Rujia Chuantong* (Jiwa Semangat Moderniti dan Tradisi Konfusianisme), hlm. 286.

merungkaikan kemosyikilan yang dilakukan oleh pejuang-pejuang Gerakan 4 Mei. Dengan minda dan pengetahuan yang meluas, mereka menerima keunikan dan keumuman nilai-nilai tradisi dan moden. Walaupun nilai-nilai tertentu dalam tradisi terpaksa ditinggalkan tetapi rohaninya mungkin berfungsi kepada proses pemodenan. Yang mustahaknya, perkembangan peradaban Cina mesti melalui satu perusahaan transformasi. Ia mesti terlepas daripada tercampak ke dalam kebinasaan sampingan yang terhasil daripada zaman Dong Zhongshu semasa Dinasti Han, iaitu usaha pembinaan peradaban semula tidak boleh bergantung kepada politik. Juga, insititusi politik dan pemikiran akademik mesti dibina semula, ia adalah syarat utama pemodenan. Di samping itu, orang-orang Cina mesti memahami intisari kebangkitan peradaban semula dengan teliti. Peradaban Cina telah kehilangan bentuk yang asalnya, oleh itu orang-orang Cina mesti sedar agar menerokai masa depan yang sepadan pada peradabannya.¹⁵⁸

Pembinaan peradaban semula pasti berasaskan kepada kefahaman yang mendalam antara Barat dan Cina, tidak semesti mengikut telunjuk Barat, walaupun punca-punca utama pembinaan peradaban Cina semula ialah sains dan demokrasi.¹⁵⁹ Orang-orang Cina hari ini patut mengambil iktibar daripada sejarah supaya tidak terjebak dalam kedahagaan yang menghirup segala sumber tuntutan peradaban Barat. Sains dan demokrasi tidak mewakili keseluruhannya; moral, kesenian, agama perlu mandi wajib agar peradaban Cina dapat mengecapi kemanisan selepas proses interaksi antara Barat dan Timur.

¹⁵⁸ Yu Yingshi, *Zhongguo Zhishi Fenzi Lun* (Perbincangan Tentang Kaum Intelektual Cina), hlm. 107-109.

¹⁵⁹ Yu Yingshi, *Zhongguo Zhishi Fenzi Lun* (Perbincangan Tentang Kaum ntelektual Cina), hlm. 110.

Melebihi julat peradaban ialah satu cabaran yang besar, ia bergantung kepada setiap individu Cina yang mampu membuat kritikan ke atas pengkritikan yang dibuat. Cuma langkah ini diminta agar dielakkan daripada mengkambing-hitamkan tradisi dan menimbulkan tohmahan yang tidak bermakna. Dengan ini, semua janji habuan pejuang-pejuang kepada rakyat jelata akan berjaya dinikmati, dan peradaban Cina mahupun peradaban Timur akan terus wujud dalam wadah aman dan stabil.

GLOSARI

Ah-Q	阿 Q	liu yi	六艺
Ba Bu Zhuyi	八不主义	Lu Xun	鲁迅
bai hua	白话	Mao Dun	矛盾
Chen Duxiu	陈独秀	Ma Xulun	马叙伦
Cao Yu	曹俞	Meng Zi	孟子
Cai Yuanpei	蔡元培	Ming	明
Chun Qiu	春秋	neiren	内人
da fu shi	大夫士	nian jiu	念旧
dao	道	nong	农
Din Wenjiang	丁文江	Pan Jinlian	潘金莲
Dong Zhongshu	董仲舒	putong hua	普通话
du shuren	读书人	Qin	秦
Du Weiming	杜维明	Qing	清
Fan Zhongyan	范仲淹	Qu Qiubai	瞿秋白
gong	工	ren	仁
Gu Hongming	辜鸿铭	Ren de Wenzxue	人的文学
Guogu	国故	rensheng guan	人生观
Guo Moruo	郭沫若	shang	商
Guo Shi Guan	国史馆	Shandong	山东
Han	汉	shengren	圣人
Huang Kan	黄侃	shi	士
Hu Shi	胡适	shi da fu	士大夫
Jiangsu	江苏	shi ren	士人
junzi	君子	shi zhu	士族
Kang Youwei	康有为	Sun Yat-Sen	孙逸仙
keju	科举	Song	宋
Kong Yiji	孔乙己	Tang	唐
Kong Zi	孔子	Tang Yijie	汤一介
koutou	叩头	tian	天
Li Dazhao	李大钊	tian dao	天道
Li Hongzhang	李鸿章	Tian An Men	天安门
Li Zhi	李贽	Tong Cheng	桐城
Liang Qichao	梁启超	xianqi liangmu	贤妻良母
Liang Shuming	梁漱溟	xian tian xia zhi you er you	
Lin Shu	林纾	hou tian xia zhi le er le	先天下之忧而忧 后天下之乐而乐
Liu Shipei	刘师培		

Xin Qingnian	新青年
Xia	夏
xiao	孝
xin wen yan	新文言
Xu Zhimo	徐志摩
Wang Chong	王充
Wang Zhaojun	王昭君
wenming	文明
Wen Xuan	文选
Wenxue Gailiang Chuyi	文学改良刍议
Wenxue Geming Lun	文学革命论
Wen Yiduo	闻一多
wen yi zhai dao	文以载道
wen yan	文言
Wu Di	武帝
Yan Fu	严复
yi tian xia wei ji ren	以天下为己任
Yuan Shikai	袁世凯
Yu Dafu	郁达夫
Zhang Junmai	张君劢
Zhang Binglin	章炳麟
Zhejiang	浙江
zhong yong	中庸
Zhou Zuoren	周作人